

27 SEP 1998

Ghafar-Indonesia

GHAJAR BABA PERTAHAN KEPUTUSAN MAHATHIR PECAT ANWAR

JAKARTA, 27 Sept (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba mempertahankan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kabinet.

Perdana Menteri mempunyai hak dan kuasa di bawah Perlembagaan untuk memecat Timbalan Perdana Menteri atau anggota kabinet apabila mendapati mereka tidak layak untuk memegang jawatan itu, kata beliau pada persidangan media di sini hari ini.

Ghafar, yang melakukan lawatan peribadi mengadakan persidangan media itu bagi menjelaskan beberapa laporan yang mengelirukan mengenai isu Anwar.

Katanya Perdana Menteri mendapati salah laku moral Anwar tidak boleh dibiarkan dan menyebabkan beliau (Anwar) tidak layak menjadi Perdana Menteri atau pemimpin di Malaysia.

"Saya fikir Indonesia dan negara-negara lain juga tidak mahu pemimpin seperti ini untuk memimpin negara," kata beliau.

Ghafar berkata Dr Mahathir amat berhati-hati dan tentu telah mengkaji laporan polis mengenai perlakuan seksual Anwar sejak ia dilaporkan pada 1993.

Perdana Menteri mulanya tidak mudah terpengaruh dengan laporan itu kerana mengetahui latar belakang Anwar. Anwar ialah pemimpin pelajar Islam sebelum menyertai politik.

Dr Mahathir sejak bertahun-tahun telah mendidik Anwar untuk mengambil alih tempat beliau sebagai Perdana Menteri apabila beliau bersara, mungkin dalam masa dua atau tiga tahun akan datang.

Beliau berkata Anwar ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana terbabit dalam tindakan menghasut rakyat supaya menentang kerajaan.

Anwar akan dihadapkan ke mahkamah jika penyokongnya berhenti daripada mengadakan perhimpunan atau kegiatan lain yang boleh menghasut rakyat sehingga menimbulkan kekacauan, kata Ghafar.

Beliau kesal kerana beberapa rakyat Indonesia termasuk peguam Adnan Buyung Nasution berikrar untuk membela Anwar di mahkamah dan mengutip derma bagi menyokong bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

"Saya fikir lebih baik bagi Buyung menumpukan perhatian untuk membantu Indonesia mengatasi masalah ekonomi negara ini kerana Anwar mampu menyara keluarganya setelah mendakwa dia mempunyai kira-kira 70 peguam bertaraf antarabangsa untuk membelanya di mahkamah," katanya.

Ghafar juga kesal terhadap kenyataan Amien Rais yang menyatakan Dr Mahathir adalah sama seperti bekas Presiden Suharto kerana kedua-dua mereka adalah diktator.

Menurut beliau, seorang Perdana Menteri Malaysia terpaksa berkempen dan menghadapi persaingan sengit sebelum memenangi pilihan raya.

"Tetapi ada negara, yang pemimpinnya cuma duduk diam dan boleh memenangi pilihan raya tanpa dicabar," kata beliau.

Ghafar berkata beliau tidak bercadang untuk menemui Presiden B.J. Habibie semasa lawatan ini.

"Saya menemui beberapa kawan lama semasa beberapa hari berada di Indonesia memandangkan saya mempunyai rumah di Bogor," kata beliau.

-- BERNAMA

ABU FAZ MAI